

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

SAW214 - Teknik Penyelidikan dan Analisis Sosial

Masa: [2 jam]

Arahan

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja, SATU (1) soalan dalam Bahagian A dan mana-mana SATU (1) soalan dalam Bahagian B.
3. Setiap soalan membawa 50 markah.
4. Mulakan setiap soalan dengan muka surat baru.
5. Tulis angka giliran di atas kertas soalan peperiksaan dan calon tidak dibenarkan membawa keluar soalan peperiksaan.

...2/-

BAHAGIAN A

Soalan di Bahagian ini WAJIB dijawab.

SOALAN 1

- A. Bagaimana PROSES PENGKONSEPSIAN berbeza dalam penyelidikan kualitatif dan kuantitatif? (12 markah)
- B. Bagaimana PENGKODAN DATA berbeza dalam penyelidikan kualitatif, dan apakah tiga jenis pengkodan yang digunakan oleh Penyelidik Kualitatif? Jelaskan secara terperinci. (38 markah)

BAHAGIAN B

Jawab SATU (1) soalan sahaja.

SOALAN 2

- A. Kenalpasti tiga cara untuk menjamin kualiti data penyelidikan lapangan. (12 markah)
- B. Nyata dan jelaskan enam (6) elemen kehidupan sosial yang sesuai untuk kajian penyelidikan lapangan. (6 markah)
- C. Nyatakan empat (4) jenis paradigma dalam penyelidikan lapangan kualitatif. Pilih salah satu daripada empat (4) paradigma ini dan jelaskan erti paradigma ini disertai dengan satu contoh. (32 markah)

SOALAN 3

- A. Apakah dia penyelidikan tidak reaktif dan bilakah teknik ini digunakan? (6 markah)
- B. Nyatakan tiga (3) jenis pemasalahan kajian yang sesuai untuk analisis kandungan. (12 markah)

- C. Nyatakan empat (4) contoh unit analisis yang berbeza dalam analisis kandungan. (4 markah)
- D. Nyatakan maksud *Double-barreled questions* dan beri satu contoh soalan jenis ini. (10 markah)
- E. Apakah dia *Contingency questions* dan tujuan penggunaanya? Beri satu contoh format soalan *contingency*. (18 markah)

Masa: [2 jam]

SOALAN 4

- A. Jelaskan dengan ringkas dan tepat erti teknik penyelidikan sejarah-perbandingan. (4 markah)
- B. Berikan dua contoh persoalan kajian yang sesuai untuk penyelidikan sejarah-perbandingan. (6 markah)
- C. Semua penyelidikan sejarah-perbandingan yang mungkin boleh diatur dalam tiga dimensi. Apakah tiga dimensi itu? (12 markah)
- D. Pendekatan penyelidikan sejarah-perbandingan dan pendekatan positivis adalah berbeza dan sarjana yang menggunakan pendekatan positivis dalam sains sosial mengkritik pendekatan sejarah-perbandingan. Jelaskan perbezaan antara dua pendekatan ini dan mengapa pendekatan sejarah-perbandingan dikritik? (16 markah)
- E. Nyatakan dan jelaskan tiga daripada enam persamaan antara penyelidikan sejarah-perbandingan dan penyelidikan lapangan. (12 markah)

Nilai kini (\$)	Anuiti (\$)	Kadar bunga dan syarat kompaun (%)	Bilangan tahun (n)	
(i) ?	2,000 setiap tahun	6 %	6	
9,000	(ii) ? setiap tahun	7%	4	
31,875	3,825 setiap tahun	(iii) ?	Tidak berhabisan	
20,900	2,287 setiap 6 bulan	14% dikompaun setiap 6 bulan	(iv) ?	
(v) ?	100 setiap 3 bulan	8% dikompaun setiap 3 bulan	2	

- oo o0o oo -

Nilai kini (\$)	Anuiti (\$)	Kadar bunga dan syarat kompaun (%)	Bilangan tahun (n)
(i) ?	2,000 setiap tahun	6 %	6
9,000	(ii) ? setiap tahun	7%	4
31,875	3,825 setiap tahun	(iii) ?	Tidak berhabisan
20,900	2,287 setiap 6 bulan	14% dikompaun setiap 6 bulan	(iv) ?
(v) ?	100 setiap 3 bulan	8% dikompaun setiap 3 bulan	2